



TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang terdiri dari syarikat 100% milik tempatan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) serta mendaftar dengan MPK dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

BIL	TAJUK KERJA	NO. SEBUTHARGA	KELAS TAWARAN	KATEGORI	HARGA
1.	CADANGAN KERJA MENAIK TARAF TANDAS AWAM SEDIA ADA SERTA KERJA BERKAITAN DI PANTAI CHERATING, KUANTAN (PERUNTUKAN KPKT)	MPK/W/SH:29/2017	G 1	CE 21	RM 31.80 (Termasuk GST 6%)
2.	CADANGAN KERJA MENAIK TARAF TANDAS AWAM SEDIA ADA SERTA KERJA BERKAITAN DI TERMINAL SENTRAL KUANTAN (TSK) INDERA MAHKOTA, KUANTAN (PERUNTUKAN KPKT)	MPK/W/SH:30/2017	G 1	CE 21	RM 31.80 (Termasuk GST 6%)

1. Naskah Meja Tawaran (TTD) boleh diperiksa di waktu pejabat sahaja mulai **15 Mei 2017 (Isnin) di Kaunter Bayaran Bahagian Belanjawan & Perolehan Jabatan Perbendaharaan Majlis Perbandaran Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.**
2. Kontraktor yang berminat hendaklah mendapatkan naskah tawaran dengan hadir sendiri atau wakil ke **Kaunter Bayaran Bahagian Belanjawan & Perolehan Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Kuantan** serta membawa **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Asal Perolehan Kontrak Kerajaan (CIDB), Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera (BPKU) dan Sijil Pendaftaran MPK** dengan satu salinan sijil-sijil tersebut serta membayar naskah tawaran yang ditetapkan. Bayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai atau wang pos atau wang kiriman sebanyak sepertimana di atas dan atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuantan.**
3. Naskah tawaran yang telah siap dipenuhi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis di sudut kiri atas, tajuk kerja dan No. Sebutharga seperti di atas dan dikembalikan kepada **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuantan Bahagian Belanjawan & Perolehan Jabatan Perbendaharaan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum tarikh tutup tawaran iaitu tepat jam **12.00** tengah hari pada **25 Mei 2017 (Khamis)**.
4. Pihak MPK tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa jua perbelanjaan yang terlibat oleh kontraktor/pembekal untuk mengemukakan tawaran ini. Sebarang pertanyaan hendaklah menghubungi **Bahagian Kerja Awam & Projek Khas di talian:- 09-5121554.**